

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN (SUBANG)**

**TARIKH : 25 OGOS 2020**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah status penggubalan Rang Undang-Undang IPCMC dan reformasi utama yang akan dicadangkan; dan
- (b) bilakah ia akan dibentangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membuat keputusan dasar untuk meneruskan penubuhan satu Suruhanjaya yang akan bertindak sebagai badan bebas bagi memantau salah laku anggota pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Bagi tujuan ini, Kerajaan sedang memperhalusi draf rang undang-undang baharu bagi menggantikan Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC). Rang undang-undang baharu ini akan dibentangkan di Parlimen untuk bacaan kali pertama setelah mendapat persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri.